

Pelajar UiTM Rembau anjur kolokium 29 Nov.

Oleh **MUHAMMAD HAZARUL HADI TWOSIMAN**

kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Pelajar tahun empat Diploma Komunikasi dan Media, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Rembau akan menganjurkan kolokium bertajuk *The Last Strike* di Dewan Biduanda, universiti berkenaan pada 29 November ini.

Program yang berlangsung dari pukul 8 pagi hingga 7 petang itu bertujuan untuk menilai hasil tugas terakhir 297 orang pelajar semester lima yang bakal bergraduat tidak lama lagi.

Penolong Ketua Biro Media dan Publisiti, Nur Izzah Nazuha Mohd. Noor berkata, kolokium itu juga bertepatan dengan inisiatif universiti berkenaan untuk melahirkan

mahasiswa yang lebih berkari dan efisien.

“Penilaian tugas tersebut akan dibuat oleh panel juri yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan UiTM Rembau.

“Dalam pada itu, penganjur turut mengundang artis-artis di bawah naungan Warner

Music Malaysia Sdn. Bhd. untuk membuat persembahan seperti Aizat Amdan, Kaka Azraff, Maya Karin dan ramai lagi,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Tambahnya, program ini adalah di bawah matapelajaran Pengurusan Majlis dalam Komunikasi yang diwajibkan di dalam silibus pelajar semester empat.

